

## **Pendigitalan Radio FTA antara realiti dan ilusi: satu perbincangan**

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan mengenai senario semasa pendigitalan Radio Free-to-Air di Malaysia. Menerusi pemerhatian, industri radio dunia telah mengalami remediasi. Namun, remediasi dari penggunaan teknologi analog kepada teknologi digital dalam dunia penyiaran radio sering dilihat sebagai sebuah transformasi yang tidak penting. Malah isu ini telah lama diperdebatkan dan dibincangkan oleh ahli akademik dan pengamal media di United Kingdom, Norway, Spain, Finland, Jerman, dan Korea Selatan. Untuk itu, makalah ini menggunakan pendekatan systematic literature review dalam membincangkan isu ini. Dapatan menunjukkan bahawa senario di Malaysia menunjukkan situasi yang berbeza. Pendigitalan stesen radio FTA mengalami kelewatan disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran. Dalam dunia yang digerakkan oleh globalisasi, convergence dan pendigitalan, membudayakan kajian radio adalah penting bagi memahami trend pendengaran radio masa kini.